

DARUL IHSAN



Badan ini telah ditubuhkan sejak tanggal 31 Ogos 1904 dan mempunyai dua cawangan bagi membezakan antara kaum adam dan hawa. Untuk kaum adam, cawangannya diberi nama Darul Ihsan Lil Banin manakala Darul Ihsan Lil Banat pula untuk kaum hawa.

Darul Ihsan adalah sebuah organisasi di bawah Muslim Trust Fund Association (MTFA). Tujuan menubuhkan organisasi ini tidak lain hanyalah untuk menjaga kanak-kanak yang orang tuanya atau penjaganya tidak berkemampuan menyara hidup anak-anak mereka atau memberikan pendidikan yang sempurna.

Menurut seorang daripada pegawai Darul Ihsan, Cik Arubaya, “seramai 14 kanak-kanak dijaga di sini dan dari mereka adalah kanak-kanak yang ibu bapanya

kebanyakan meninggal dunia ataupun ibu bapa tunggal. Dan mereka berusia dalam lingkungan 8 hingga 18 tahun.”

Aktiviti mereka



Kanak-kanak di Darul Ihsan memulakan hari mereka dengan bersolat subuh berjemaah dan kemudiannya menyiapkan diri untuk ke sekolah. Setelah tamat sesi persekolahan, mereka akan pulang ke rumah tumpangan tersebut dan berehat ataupun menghadiri kelas-kelas tambahan yang diadakan di sekolah mereka ataupun di Darul Ihsan sendiri.



Mereka yang berada di sana dikatakan agak beruntung. Ramai yang menaja lawatan-sambil-belajar mereka di Singapura. Bukan itu sahaja, bahkan

beberapa tahun yang lalu, mereka ditaja ke Umrah.

boleh



Anda yang berkelebihan juga boleh sama-sama menaja lawatan mereka pada masa-masa yang akan datang.

Bantuan Darul Ihsan

Badan ini menerima sumbangan menerusi bantuan menerusi derma orang ramai. Mereka juga turut mengadakan tabung-tabung derma di masjid serata Singapura setahun sekali.

Pada bulan Ramadhan pula, bantuan yang diterima mereka memang melimpah ruah, ramai yang menaja juadah berbuka mereka dan sebagainya.

Anda yang mempunyai kelebihan bolehlah sama-sama menghulurkan bantuan ke alamat mereka di 5 Mattar Road ataupun 23 Wan Tho Ave. Sekiranya anda tidak ingin keluar rumah untuk menderma, anda boleh sahaja menderma melalui Giro, secara dalam talian (*online*) dan juga memberikan mereka cek.



Anda yang ingin menjadi sukarelawan juga bolehlah menghubungi mereka di talian 67477556 untuk Darul Ihsan Lil Banin manakala 62852973 pula untuk Darul

Ihsan Lil Banat. Sebagai alternatif anda boleh ke laman mereka di <http://www.darulihisan.org/>

